

06 JAN 1999

Ting-Pertandingan

PERTANDINGAN PROJEK PERUMAHAN DI KAWASAN BUKIT

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menganjurkan pertandingan mereka bentuk model projek perumahan yang paling baik dilaksanakan di kawasan bukit dan lereng bukit untuk membuktikan bahawa perlaksanaan projek perumahan itu boleh dijalankan tanpa merosakkan alam sekitar.

Menterinya Datuk Dr Ting Chew Peh berkata penganjuran itu diputuskan dalam mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Beliau berkata, penekanan yang diberikan dalam pertandingan itu ialah reka bentuk atau susun atur kawasan perumahan itu mesti mengelakkan pemotongan bukit dan penebangan pokok-pokok yang sedia ada.

"Diharap pertandingan itu nanti boleh menghasilkan idea-idea baru dan menunjukkan bahawa kita boleh membangunkan kawasan perumahan di kawasan bukit dan lereng bukit tanpa menjejaskan keadaan alam sekitar kita. Pembangunan yang kita lakukan itu boleh diseimbangkan dengan keadaan alam sekitar," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Katanya lagi, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 juga telah dipinda (pindaan 1996) untuk memastikan pemaju perumahan tidak memotong bukit dan menebang pokok sewenang-wenangnya.

Katanya lagi, kementeriannya membuat perancangan tentang peraturan, syarat-syarat penyertaan dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) mungkin ditugaskan sebagai penyelarasan pertandingan serta diminta menghubungi pihak-pihak yang ada kaitan dengan industri perumahan.

Bagaimanapun beliau berkata tarikh sebenar pertandingan itu akan dimulakan belum dapat ditentukan lagi kerana banyak perkara yang perlu diselesaikan.

"Saya jangka ini akan mengambil sedikit masa tetapi saya berharap ia dapat dilaksanakan sebaik-baiknya tahun ini," katanya.

Beliau berkata, idea mengenai perkara itu dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa menekankan keseimbangan pembangunan dan alam sekitar.

Pemenang dalam pertandingan itu akan diberi hak untuk melaksanakan projek perumahan itu mengikut reka bentuk model yang mereka pertandingkan di kawasan-kawasan yang mereka cadangkan, katanya.

Pada tahun 1993, seramai 48 orang terkorban apabila Blok Satu Kondominium Highland Towers yang dibina di lereng bukit tumbang.

"Sejak peristiwa itu (Highland Towers), walaupun kerajaan telah membuat keputusan tidak menggalakkan pelaksanaan projek perumahan di kawasan lereng bukit tetapi kerajaan tidak menghalang atau melarang pelaksanaan sesuatu projek perumahan dengan syarat langkah-langkah keselamatan yang cukup diambil," kata Ting.

--BERNAMA

APG WAT